

PINDAAN-PINDAAN PERUNDANGAN DAN SUBSIDIARI TAHUN 2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
1.	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-Negeri Anggota ASEAN dengan Jepun) 2008 (AJCEP)	Perintah ini disediakan bagi memenuhi komitmen Negara di bawah AJCEP yang ditandatangani oleh YB. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi pihak kerajaan Malaysia pada 14 April 2008 di Kuala Lumpur.	31.12.2008	1.2.2009	P.U.(A) 476/2008	1/2009
2.	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) 2009 – Pindaan Subperaturan 3(5) Proviso (iv)	Pindaan disediakan bertujuan meminda subperaturan 3(5)(iv) Peraturan-Peraturan Kastam 1977 bagi melanjutkan masa operasi pintu masuk/keluar Pengkalan Hulu-Betong (Bukit Berapit) dari jam 6.00 pagi hingga 7.00 petang kepada 6.00 pagi hingga 10 malam.	19.2.2009	19.2.2009	P.U.(A) 71/2009	2/2009
3.	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No.2) 2009 – Jadual Pertama, Bahagian 1 subkepala “Negeri-Negeri Tanah Melayu” Port Kastam “Pelabuhan Kemaman”	Pindaan disediakan bertujuan menggantikan PTB Westwharf Sdn. Bhd. yang mengendalikan tempat pendaratan sah West Wharf kepada Sukma Samudra Sdn. Bhd. disamping melebarkan skop pengendalian barangan import dan eksport melalui pelabuhan tersebut.	26.2.2009	26.2.2009	P.U.(A) 84/2009	3/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
4.	Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No.2)(Pindaan) 2009	Pindaan disediakan bagi tujuan menaikkan kadar cukai jualan atas diesel di bawah sub kepala 2710.19 310 dan 2710.19 390 dari "RM0.1964 per litre" kepada "RM0.40 per litre".	26.2.2009	1.2.2009	P.U.(A) 89/2009	4/2009
5.	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2009	<p>i. Menguatkuasakan keperluan pelabelan amaran kesihatan dan maklumat kesihatan ke atas rokok import selaras dengan pindaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008 (P.U.(A) 315/2008) yang diwartakan pada 15 Sept. 2008 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;</p> <p>ii. Pengenalan amaran kesihatan dan maklumat kesihatan selaras dengan komitmen Malaysia di bawah WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC) yang mana Malaysia telah menjadi Negara Parti kepada konvensyen tersebut pada tahun 2005.</p>	12.3.2009	15.3.2009	P.U.(A) 116/2009	5/2009
6.	Perintah Levi keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan) 2009 (P.U.(A) 112/2009)	<p>i. Daripada RM2,000 setan kepada RM2,500 setan bagi Semenanjung Malaysia; dan</p> <p>ii. Daripada RM2,000 setan kepada RM3,000 setan bagi Sabah dan Sarawak.</p>	10.3.2009	10.3.2009	P.U.(A) 112/2009	6/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
7.	Peraturan-peraturan Kastam (Pindaan) (No.3) 2009 Pindaan Subperaturan 3(5) Proviso (iv)	Pindaan ini disediakan bertujuan untuk menyelaraskan mana operasi Pengkalan Hulu-Bentong (Bukit Berapit) dari 6.00 pagi hingga 11.00 malam, sama dengan masa operasi agensi-agensi lain yang berkaitan di sempadan Malaysia-Thailand.	15.3.2009	15.3.2009	P.U.(A) 120/2009	7/2009
8.	i. Perintah Duti Kastam (pindaan) 2009 ii. Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2009	i. Pemansuhan duti import MFN keatas activated clay and activated bleaching earth (kod tariff 3802.90 100) dan yang berkaitan dengannya (kod tariff 3802.90 900) serta video game of a kind used with a television receiver (kod tariff 9504.10 000) ii. Pindaan bagi menurunkan kadar CEPT sebanyak 5% kepada 0% bagi barangan activated clay and activated bleaching earth (kod tariff 3802.90.20 00).	19.3.2009	19.3.2009	P.U.(A) 123/2009 P.U.(A) 124/2009	8/2009
9.	Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2009 (P.U (A) 125/2009) – Newsprint dalam bentuk gulungan	Perintah ini disediakan bagi tujuan mengenakan duti anti-lambakan atas newsprint dalam bentuk gulungan di bawah kod tariff 4801.00 100 (AHTN 4801.00.10 10) yang berasal atau diekport dari Kanada, Republik Indonesia, Republik Korea, Republik Filipina dan Amerika Syarikat berkuatkuasa mulain 21 Mac 2009 hingga 18 Mac 2014.	19.3.2009	21.3.2009 – 18.3.2014	P.U.(A) 125/2009	9/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
10.	i. Perintah Cukai Jualan (Pengecualian)(Pindaan) 2009 ii. Perintah Cukai Jualan (Pengecualian)(Pindaan) (No. 2) 2009 iii. Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No. 2) (Pindaan) (No. 2) 2009. iv. Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No. 2) (Pindaan) (No. 3) 2009.	Membetulkan beberapa kesilapan dalam Jadual A Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008 (P.U (A) 91/2008) dan kesilapan dalam Jadual Pertama Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No. 2) (P.U (A) 93/2008)	10.4.2009	dikebelakangkan 1.4.2008	P.U.(A) 141/2009	10/2009
			10.4.2009	10.4.2009	P.U.(A) 142/2009	
			10.4.2009	dikebelakangkan 1.4.2008	P.U.(A) 143/2009	
			10.4.2009	10.4.2009	P.U.(A) 144/2009	
11.	Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) (Pindaan)(No. 2) 2009 (P.U.(A) 134/2009)	Perintah ini disediakan bertujuan mengecualikan kebun kelapa sawit yang keluasanya tidak kurang daripada 40.46 hektar atau 100 ekar di bawah suatu kawasan penempatan berkelompok di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530), daripada dikenakan levi keuntungan luar biasa.	2.4.2009	dikebelakangkan 15.7.2008	P.U.(A) 134/2009	11/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
12.	Zon Perindustrian Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Mukim Senai, Daerah Johor Bahru: i. Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 2009 (P.U.(B) 150/2009) ii. Pemberitahuan Zon Bebas (Pindaan) 2009 (P.U.(B) 151/2009)	<p>Pemberitahuan (i) merupakan pengisytiharan kawasan baru oleh YB Menteri Kewangan di bawah subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990, bagi penubuhan suatu zon perindustrian bebas – Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Mukim Senai, Daerah Johor Bahru, Johor.</p> <p>Pemberitahuan (ii) merupakan pindaan Jadual Kedua kepada Akta Zon Bebas 1990 di bawah subseksyen 10(2) Akta Zon Bebas 1990, bagi mewartakan jenis aktiviti Zon Perindustrian Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Mukim Senai, Daerah Johor Bahru, Johor bagi menjalankan aktiviti pengilangan.</p>	27.4.2009	1.6.2009	(P.U.(B) 150/2009)	12/2009
			27.4.2009	1.6.2009	(P.U.(B) 151/2009)	
13.	Perintah Kastam (Nilai-Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport)(Baru)(Pindaan) 2009	Tujuan Perintah ini disediakan adalah untuk mengemaskini nilai beberapa model kenderaan sedia ada dan juga menetapkan nilai beberapa model baru kenderaan bermotor pasang siap yang diimport sebagaimana ditetapkan oleh Perbendaharaan.	28.5.2009	29.5.2009	(P.U.(A) 198/2009)	13/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
14.	Akta Kastam 1967					
	i. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2009.	Pindaan-pindaan ke atas lima Perintah sebagaimana di atas ialah untuk menukar " <i>Unit of Quantity</i> " daripada " <i>kg</i> " kepada " <i>tonne</i> ", bagi produk-produk simen dan clinker di bawah kod tarif 2523.10 000, 2523.21 000, 2523.29 100, 2523.29 900, 2523.30 000, 2523.90 000 dan 2618.00 000. Pindaan ini dilakukan selaras dengan permintaan oleh <i>The Cement & Concrete Association of Malaysia (C&CA)</i> dan juga arahan Kementerian Kewangan, bagi mengatasi masalah ketika membuat permohonan Lesen Eksport secara <i>online</i> , khasnya jika ia melibatkan kuantiti yang besar kerana Sistem Maklumat Kastam (SMK) menyediakan medan mekasima sebanyak 7 digit sahaja bagi sesuatu permohonan.	1.6.2009	1.6.2009	P.U.(A) 205/2009	14/2009
	ii. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 2) 2009.		P.U.(A) 201/2009			
	iii. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Rapat antara Malaysia dengan Republik Islam Pakistan)(Pindaan) 2009.		P.U.(A) 202/2009			
	iv. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Program "Early Harvest" dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China)(Pindaan)2009.		P.U.(A) 203/2009			
	v. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-Negeri Anggota ASEAN dengan Jepun) (Pindaan)2009.		P.U.(A) 204/2009			

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
15.	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pengecualian) 2009.	Tujuan pewartaan Perintah ini adalah untuk mewartakan semula Perintah Duti Kastam (Barang-barang Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pengecualian) 2002 (P.U.(A) 118/2002), supaya ia selaras dengan pindaan Perintah Duti Kastam (Barang-barang Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2009 (P.U.(A)440/2007) yang menggunakan 10 digit kod tariff.	1.6.2009	1.6.2009	P.U.(A) 200/2009	15/2009
16	<p>1. Pindaan Perundangan:</p> <p>1.1. Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) (Pindaan) 2009.</p> <p>1.2. Pemberitahuan Zon Bebas (Pindaan) 2009 Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Mukim Klang.</p>	Pindaan ini disediakan bertujuan untuk memperluas lagi kawasan zon perdagangan bebas Pelabuhan Barat dengan menambah kawasan Terminal Kering 2 (DB2) dan Terminal Cecair (LBT) sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan Warta 1452 sebagai tambahan kepada Pelan Warta 1174 yang asal.	2 Julai 2009	2 Julai 2009	<p>P.U.(B) 215/2009</p> <p>P.U.(B) 216/2009</p>	16/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
17	<p>i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2009;</p> <p>ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2009;</p> <p>iii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2009;</p> <p>iv) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan)(No.4) 2009;</p>	<p>i) Pengurangan duti import ke atas 356 baris tarif besi dan keluli (produk panjang), melalui Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2009;</p> <p>ii) Pemansuhan duti import ke atas 24 baris tarif, melalui Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2009;</p> <p>iii) Pindaan susulan kepada para 3.1.(i) di atas, melalui Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2009;</p> <p>iv) Pindaan susulan kepada para 3.2. (ii) di atas, melalui Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.4) 2009.</p>	1.8.2009	1.8.2009	<p>P.U.(A)280/2009</p> <p>P.U.(A)281/2009</p> <p>P.U.(A)278/2009</p> <p>P.U.(A)279/2009</p>	17/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
	v) Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) 2009;	v) Pengecualian duti import ke atas produk-produk tertentu melalui Butiran 187 (Bahan mentah pengecualian kepada pengilang), Butiran 188 (Bahan mentah besi dan keluli – Pengecualian kepada pengilang) dan Butiran 189 (Barang siap – Pengecualian kepada semua pengimport), melalui Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) 2009;			P.U.(A)282/2009	
	vi) Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No.2) 2009;	vi) Mengenakan standard ke atas kesemua produk besi dan keluli di bawah Bab 72 dan Bab 73, dengan menggantikan Butiran 1, Bahagian III, Jadual Keempat, melalui Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No.2) 2009, yang terletak di bawah bidang kuasa CIDB dan SIRIM;			P.U.(A)283/2009	
	vii) Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No.3) 2009.	vii) Memansuhkan lesen import (AP ke atas 10 baris tarif produk besi keluli di bawah Butiran 11, Jadual Ketiga, melalui Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No.3) 2009;			P.U.(A)284/2009	

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
18	Perintah Kastam (Nilai-Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport) (Baru)(Pindaan)(No.2) 2009	Perintah ini disediakan adalah untuk menetapkan nilai beberapa model baru kenderaan bermotor pasang siap yang diimport sebagaimana ditetapkan oleh Perbendaharaan.	6.8.2009	6.8.2009	P.U.(A)291/2009	18/2009
19	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (No.5) 2009	Pewartaan Perintah tersebut adalah untuk melaksanakan Peraturan Produk Spesifik (PSR) dan Operational Certification Procedures (OCP) bagi 5,224 produk di bawah Skim CEPT-AFTA yang mana tarikh kuatkuasa ditetapkan pada 1 Ogos 2008.	10.8.2009	1.8.2009	P.U.(A)292/2009	19/2009
20	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No.4) 2009. Pindaan Peraturan 11A – Kehendak Bagi Maksud Menentukan Nilai.	Pindaan ini disediakan bertujuan meminda Peraturan 11A, Peraturan-Peraturan Kastam 1977 yang menghendaki borang ikrar Kastam No. 1 disertakan dengan borang Kastam No. 1A jika sekiranya nilai pada inbois bagi setiap konsainmen nilai barangan import mencapai RM10,000.00 atau pun lebih. Pindaan ini melibatkan kenaikan nilai inbois bagi setiap konsainmen dari RM10,000.00 kepada RM20,000.00 dan menggantikan Borang JK1A, kerana perkataan RM10,000.00 pada para 2 kepada "PERINGATAN/REMINDER' kena juga dipinda kepada RM20,000.00 selaras dengan pindaan pada Peraturan 11A.	27.8.2009	27.8.2009	P.U.(A)313/2009	20/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
21	Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2009	<p>Perintah ini disediakan bertujuan untuk menaikkan duti eksais import dan tempatan ke atas barangan berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cigars, cheroots and cigarillos di bawah kod tariff 2402.10 000 dan 2402.90 100 dari RM180.00 and 20% kepada RM190.00 and 20%; 2. Rokok di bawah kod tariff 2402.20 900 dan 24.02.90 200 dari RM0.18 and 20% kepada RM0.19 and 20%. 	1.10.2009	1.10.2009	P.U.(A)353/2009	21/2009
22	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun) (Pindaan) 2009	<p>Perintah ini bertujuan meminda Lampiran I, Seksyen 2 dalam Jadual Pertama Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun) 2006 berhubung <i>Product Specific Rule</i> bagi <i>Yarn</i> di bawah kepada 51.06 – 51.10. Dengan pindaan ini maka perolehan barangan 'non-originating materials of heading 51.05 tidak lagi terhad daripada Malaysia, Jepun dan Negara-negara ASEAN sahaja sebaliknya boleh diperolehi daripada mana-mana Negara didunia.</p>	14.09.2009	1.4.2009	P.U.(A)335/2009	22/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
23	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No.4) 2009	<p>Sebagaimana sedia maklum, bahawa keperluan standard mandatory ke atas pengimportan produk besi dan keluli di dalam Bab 72 dan 73 melibat 742 baris tariff telah dikuatkuasa.</p> <p>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama Jabatan, SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM QAS) dan Construction Industry Development Board (CIDB) telah mengkaji semula senarai produk besi dan keluli serta prosidur pelaksanaan standard mandatory bagi membantu serta memudahkan pengimportan produk besi dan keluli ke Negara ini. Seiring dengan hasrat dan matlamat tersebut kerajaan telah memutuskan supaya hanya 187 baris tariff besi dan keluli di bawah bab 72 dan 73 dikenakan standar mandatori.</p>	13.10.09	13.10.09	P.U.(A)367/2009	23/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
24	(i) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2009. (ii) Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2009.	Perintah ini bertujuan meminda Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 1972 dan Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 dengan memasukkan daerah Cameron Highland sebagai Daerah-Daerah Yang Dikhimati di bawah pejabat Cukai Jualan dan Pejabat Cukai Perkhidmatan Bentong sekali gus membatalkan Cameron Highland di bawah Daerah-Daerah Yang Dikhimati oleh Teluk Intan.	8.10.2009	8.10.2009	P.U.(A)361/2009	24/2009
25	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Program "Early Harvest" Dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara ASEAN Dan China)(Pindaan) 2009.	Perintah ini bertujuan memasukkan 4 baris tariff yang tertinggal di samping memperbetulkan kesilapan teknikal yang terdapat dalam Jadual Kedua perintah ini bagi memenuhi ACFTA sedia ada.	22.10.2009	22.10.2009	P.U.(A)372/2009	25/2009
26	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) 2009 – Pindaan Subperaturan 3(1)(i) dan 3(5)(i) – Johor Baharu	Pindaan ini bertujuan meminda subperaturan 3(1)(i) dan 3(5)(i) Peraturan-Peraturan Kastam 1977, bagi melanjutkan masa operasi pintu masuk/keluar Johor Bahru, jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam kepada "pada setiap masa pada mana-mana hari".	23.12.2009	Dikebelakang 15.11.2009	P.U.(A)453/2009	26/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
27	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No.6) 2009: i) Jadual Pertama, Bahagian II ii) Peraturan 3(5) dan (6).	<p>Perluasan Skop Barangan Yang Boleh Diimport/Eksport Melalui Padang Besar.</p> <p>i) Meluaskan skop barangan yang boleh diimport/eksport melalui laluan Padang Besar, khususnya melalui Kompleks Pemeriksaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), ekoran daripada permohonan oleh Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, supaya perkataan "<i>marine products</i>" digantikan dengan "<i>alt goods</i>".</p> <p>ii) Dengan pindaan dari "<i>marine products</i>" kepada "<i>all goods</i>" ia dijangka akan member kesan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan kesesakan di Kompleks Kastam (CIQ) kerana pengimport mempunyai pilihan, untuk berurusan melalui Kompleks Kastam (CIQ) atau Kompleks LKIM; • Walaubagaimanapun pelanggan yang memilih untuk berurusan melalui Kompleks LKIM akan dikenakan bayaran; 	24.12.2009	24.12.2009	P.U.(A)461/2009	27/09

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<ul style="list-style-type: none"> • MAQIS akan mewajibkan semua komoditi dan produk pertanian diperiksa di Kompleks LKIM kerana ia dilengkapi dengan kemudahan pemeriksaan; • Kementerian Kesihatan Malaysia telahpun menyewa sebahagian ruang Kompleks LKIM Padang Besar sebagai tempat simpanan barang-barang yang ditahan untuk "tahan-uji-lepas"; • Jabatan Kastam akan menempatkan pegawai di Kompleks LKIM bagi memastikan aspek kawalan dan pelepasan dagangan mengikut perundangan; • Buat sementara waktu, Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MQIS), telah diberi kebenaran secara sementara oleh JKDM Perlis, bagi menjalankan pemeriksaan ke atas produk pertanian di Kompleks LKIM. MAQIS telah mula beroperasi disemua pintu masuk Negara mulai Ogos 2008, berikutan dengan pelaksanaan tersebut, MAQIS telahpun mengambil alih kesemua aktiviti pemeriksaan dan kuarantin bagi semua komoditi dan keluaran pertanian. 				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>Mewartakan Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap Sebagai Tempat Import/Eksrpot Yang Sah.</p> <p>i) Mengwujudkan laluan yang sah disisi undang-undang bagi urusan pergerakan keluar/masuk diantara Bandar Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap, Kedah, Malaysia – Ban Prakorb, Thailand. Ia merupakan laluan kedua selepas laluan Bukit Kayu Hitam-Ban Danok. Projek Kota Putra telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah pada 21 November 1988, yang merupakan sebahagian daripada Pelan Struktur Daerah Padang Terap 2002-2012 dan telah diwartakan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 1 Mei 2003 sebagai Pos Kawalan Imigresen dan pintu masuk ke Malaysia. Projek ini telah diterima sebagai satu projek <i>Joint Development Strategy</i> diantara Malaysia-Thailand pada Ogos 2004.</p>				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>ii) Diantara kemudahan prasarana serta kakitangan yang melibatkan pewartaan laluan kedua antara Malaysia-Thailand:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kompleks ICQS (Immigration, Customs, Quarantine, Security) dan rumah kediaman kakitangan Jabatan/Agensi yang terlibat telah siap dibina dan di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri; • Perjawatan kakitangan JKDM telahpun mendapat kelulusan dan mereka buat waktu sekarang ditempatkan secara sementara di Stesen Bukit Kayu Hitam. 				
28	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-Negeri Anggota ASEAN Dengan Republik India) 2009	1. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-Negeri Anggota ASEAN Dengan Republik India) 2009 disediakan bagi memenuhi komitmen negara di bawah " <i>Agreement on Trade in Goods Under Framework Agreement on Comprehensive Economic Cooperation Between The Association of Southeast ASEAN Nations and The Republic of India</i> " yang ditandatangani pada 13 Ogos 2009 di Bangkok.	31.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)492/2009	28/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>2. Dimaklumkan bahawa Perintah ini terbahagi kepada tiga bahagian utama sebagaimana berikut:</p> <p>2.1. Pendahuluan (<i>Preamble</i>);</p> <p>2.2. Jadual Pertama, terdiri daripada dua bahagian:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bahagian Pertama – <i>Rules of Origin (RoO)</i>; dan ii) Bahagian Kedua – <i>Operational Certification Procedures (OCP)</i>. <p>2.3. Jadual Kedua, merupakan kadar-kadar pengurangan/ penghapusan tarif bagi produk/barangan yang diimport ke Malaysia di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri Anggota ASEAN dengan Republik India.</p>				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>Perhatian Y. Bhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/puan adalah ditarik berhubung dengan tarikh-tarikh pengurangan/ penghapusan tarif, di mana tahun-tahun 2013, 2016 dan 2019 terdapat dua kali pengurangan/penghapusan tarif, iaitu masing-masing pada 1 Januari dan juga 31 Disember. Keadaan ini selaras dengan Perjanjian yang telah ditandatangani oleh semua Parti-Parti yang terlibat, dengan yang demikian ianya agak berlainan dengan FTAs yang lain.</p> <p>3. Dimaklumkan juga bahawa senarai <i>Products Specific Rules (PSR)</i> pada Appendix "B" dan senarai <i>Single List of Textiles Products</i> pada Appendix "C", masih belum dimuktamadkan. Senarai tersebut akan dimasukkan ke dalam kedua-dua <i>Appendix</i> berkenaan selepas semua pihak mencapai persetujuan nanti. Keadaan ini sama dengan apa yang pernah dilakukan dalam Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Antara Negeri-Negeri Anggota ASEAN Dengan Jepun) 2008 [P.U. (A) 476/2008].</p>				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>4. Disebabkan masalah percetakan, maka Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Antara Negeri –Negeri Anggota ASEAN Dengan Republik India) 2009 tidak dapat diedarkan dalam bentuk warta, walau bagaimanapun Cawangan Teknologi Maklumat, telah memuaturn Perintah ini ke dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan juga laman web JKDM untuk rujukan dan panduan. Salinan Perintah yang bercetak dalam bentuk warta oleh Percetakan Nasional Berhad., akan diedarkan kepada semua negeri/stesen sebaik sahaja naskah Perintah berkenaan diterima dari Percetakan Nasional Berhad (PNB).</p>				
29	<p>Cukai Perkhidmatan Ke atas Kad Kredit dan Kad Caj:</p> <p>i) Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan)(No.2) 2009</p> <p>ii) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2009</p>	<p>1. Pewartaan tersebut adalah selaras dengan pengumuman YAB Menteri Kewangan dalam Bajet 2010 untuk mengenakan cukai perkhidmatan ke atas kad kredit dan kad caj sebagaimana yang pernah dikenakan pada tahun 1007 hingga tahun 1999 dengan menetapkan kadar cukai sebanyak RM50.00 atas kad utama dan RM25.00 atas kad tambahan.</p>	28.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)468/2009	29/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>2. Bagi melaksanakan arahan tersebut Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 telah dipinda dengan memasukkan di bawah Kumpulan G, Jadual Kedua “Mana-Mana orang yang dikawal selia oleh Negara Malaysia dan menyediakan perkhidmatan kad kredit atau kad caj melalui pengeluaran kad kredit atau kad “caj” sebagai Orang Yang Kena Membayar Cukai” manakala “Penyediaan perkhidmatan kad kredit atau kad caj melalui pengeluaran kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan” sebagai Perkhidmatan Yang Kena Dibayar Cukai.</p> <p>3. Disamping itu Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2009 akan dikuatkuasakan bagi meliputi penetapan kadar cukai ke atas kad kredit dan kad caj disamping kadar cukai ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang kena dibayar cukai selain daripadanya. Perintah ini sekali gus telah memasnuhkan Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000 [P.U.(A) 272/2000].</p>				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		4. Bahagian Cukai Dalam Negeri akan mengeluarkan garis panduan mengenainya.				
30	Perintah Duti Kastam (Perjanjian) Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Diantara ASEAN – Australia – New Zealand) 2009.	Perintah ini disediakan sebagai memenuhi komitmen Negara-negara ASEAN, Australia dan New Zealand di bawah Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Antara ASEAN, Australia dan New Zealand menjelang 1 Januari 2010.	31.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)484/2009	30/2009
31	Tayar Kenderaan Persendirian Dan Penumpang – Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No.5) 2009.	<p>1. Perintah ini disediakan bagi tujuan menguatkuasakan larangan ke atas tayar kenderaan persendirian dan komersial yang diimport selaras dengan peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [L.N. 170/1959] yang bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan mengelakkan lambakan tayar terpakai import ke dalam Negara. Pindaan kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 melibatkan Jadual-Jadual berikut:</p> <p>1.1. Jadual Pertama – Mengenakan larangan mutlak ke atas <i>snow tyre</i> baru;</p>	29.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)471/2009	31/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>1.2. Jadual Kedua – Mengenakan larangan import (AP) ke atas tayar terpakai bagi kenderaan persendirian dan komersial (tidak termasuk motosikal); dan</p> <p>1.3. Jadual Keempat – Melaksanakan standard mandatory ke atas tayar baru (new pneumatic dan new retraded) bagi kenderaan persendirian dan komersial (tidak termasuk motosikal).</p>				
32	<p>i) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.5) 2009</p> <p>ii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindan)(No.6) 2009.</p>	<p>1. Perintah-Perintah ini disediakan bagi tujuan:</p> <p>1.1. Menurunkan/menghapuskan kadar duti CEPT sebagai mematuhi komitmen Negara-Negara ASEAN di bawah perjanjian CEPT-AFTA menjelang 1 Januari 2010.</p> <p>1.2. Dalam komitmen 2010 ini juga, produk rokok di bawah kod tariff 2402.20 90 00 dan 2402.90.20 00, yang mana kadar dutinya (CEPT) ialah specific pada RM0.08/stk, dijadikan sebagai kadar duti advaloren 5%. Berikutan dari itu, unit of quantity kedua-dua</p>	<p>28.12.09</p> <p>30.12.09</p>	<p>1.1.2010</p> <p>1.1.2010</p>	<p>P.U.(A)467/2009</p> <p>P.U.(A)472/2009</p>	<p>32/2009</p>

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>produk ini telah dipinda dari stik kepada kg bagi kedua-dua MFN dan CEPT. Walau bagaimana pun, kadar duti MFN masih dikekalkan sebagai RM0.20/stk. Pindaan ke atas perkara ini juga dimasukkan dalam Pindaan Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan)(no.6) 2009 di atas.</p> <p>1.3. Sehubungan dengan itu juga, Perintah Duti Kastam 2007 telah dipinda dalam Jadual Pertama di ruang (3) berkaitan dengan unit of quantity dan di ruang (4) berkaitan dengan kadar duti RM0.20 per stik bagi kedua-dua kod tariff 2402.20 900 dan 2402.90 200. Pindaan adalah sebagaimana Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.5) 2009.</p>				
33	<p>i) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.6) 2009</p> <p>ii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan)(No.7) 2009.</p>	<p>1. Selaras dengan kajian struktur duti import ke atas produk besi dan keluli di bawah Kajian Semula Dasar Industri Besi dan Keluli Tempatan, kadar duti import (MFN) telah mula diturunkan secara berperingkat mulai 1 Ogos 2009 melalui Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.3) 2009 [P.U.(A) 280/2009].</p>	31.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)487/2009	33/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		2. Perintah ini disediakan bertujuan meneruskan dasar liberalisasi berkenaan yang mana melalui perintah ini duti import MFN dikurangkan dari 10% kepada 5%.				
34	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan)(No.7) 2009 – Peraturan 17 dan Borang Kastam No. 22.	1. Tujuan pewartaan ini, bagi meminda Peraturan 17 dan juga Borang Kastam No. 22 bagi memenuhi kehendak di bawah Akta Kastam 1967 dan juga Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001. 2. Isu pengubalan wang haram dan pembiayaan keganasan rentas sempada secara fizikal diperingkat antarabangsa seperti penyeludupan mata wang boleh menjejaskan ekonomi dan keselamatan Negara. Bagi membolehkan aktiviti jenayah dikesan, kerajaan telah mengambil inisiatif langkah pencegahan dan seterusnya membentaras menularnya kegiatan jenayah dan keganasan.	31.12.09	1.1.2010	P.U.(A)480/ 2009	34/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>3. Pada Mei 2007, Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan Bagi Pencegahan Pengubalan Wang Haram (NCC) telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Mata Wang Rentas Sempadan, yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia (Selaku Seretariat), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen. Melalui kajiannya, Jawatankuasa berpendapat pelaksanaan Pengisytiharan Wang Tunai dan Instrument Pembawa Boleh niaga atau Negotiable Bearer Instruments atau ringkasnya IPBN amat diperlukan oleh Malaysia.</p> <p>4. NCC yang dipengerusikan oleh Bank Negara Malaysia, telah bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa bagi melaksanakan system perisytiharan pemindahan wang tunai dan IPBN rentas sempadan secara fizikal, sejajar dengan kehendak seksyen 23(1) Anti-Money Laundering And Anti-Terrorism Financing Act 2001 [Akta 613] dan pelaksanaan akan dilakukan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Susulan daripada penggunaan seksyen 23 Akta, bagi membolehkan perisytiharan dikuatkuasakan, perundangan berikut</p>				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>perlu digubal atau dipinda oleh agensi berkaitan:</p> <p>4.1. Bank Negara Malaysia telah mengambil tindakan:</p> <p>i) Mewartakan deraf perintah baru iaitu, "Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Deklarasi Wang Tunai dan Instrumen Pembawa Boleh Niaga) 2009 [P.U.(A)]". Perintah ini menghendaki sesiapa sahaja yang meninggalkan atau memasuki Malaysia, diwajibkan membuat perisytiharan amaun wang tunai dan IPBN yang dibawa bersama dalam jumlah agregat bersamaan dengan USD10,000.00;</p> <p>ii) Bagi mengelak kekeliruan, maklumat notis ECM dalam kad ketibaan/pelepasan IMM. 26 berhubung keperluan perisytiharan wang kertas asing dan cek kembara oleh pengembara bukan pemastautin di bawah Akta Kawalan Wang</p>				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>Asing 1953 (AKWA) yang dikemukakan kepada Pegawai Imigresen akan dibatalkan.</p> <p>4.2. Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah dikehendaki mengambil tindakan membuat pindaan kepada:</p> <p>i) Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Kastam 1977, bagi membolehkan seseorang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia untuk membuat perisytiharan wang tunai dan IPBN sebagaimana Perintah dipara 3.1. di atas kepada Pegawai Kastam yang hak dengan menggunakan Borang Kastam No.22. Skop penguatkuasaan perisytiharan telah diperluaskan kepada semua pergerakan masuk dan keluar melalui ketiga-tiga mode iaitu udara, darat dan laut, berbanding dengan sebelum ini melalui mode udara sahaja;</p>				

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
		<p>ii) Borang Kastam No. 22 diubahsuai untuk pewartaan semula dengan memasukkan keperluan seksyen 23 Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 untuk merangkumi perisytiharan wang tunai dan IPBN, disamping keperluan di bawah Akta Kastam berhubung perisytiharan barang berduti dan larangan yang dikuatkuasakan sebelum ini.</p>				
35	Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2009.	<p>1. Tujuan Peraturan baru ini disediakan selaras dengan dasar Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 berhubung dengan pengenaan Fi RM10,000.00 ke atas lesen import (AP) bagi setiap unit kenderaan bermotor.</p> <p>2. Fi Lesen import (AP) kenderaan bermotor melalui Peraturan di atas akan dipungut oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan tempoh pelaksanaannya bermula 1.1.2010 sehingga 31.12.2015 sahaja.</p>	31.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)491/2009	35/2009

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.	NO. EDARAN
36	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan)(No.8) 2009.	Perintah ini disediakan bertujuan untuk meminda <i>Product Specific Rules</i> (PSR) dalam Skim Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) bagi tahun 2010, iaitu bagi memenuhi komitmen Malaysia di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN Free Trade Area – AFTA) untuk menggunakan Peraturan Tempasal (Rules of Origin – RoO) yang lebih fleksibel berbanding RoO yang digunakan terdahulu.	31.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)489/2009	36/2009
37	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Program "Early Harvest" dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China)(Pindaan)(No.2) 2009.	Perintah pindaan ini dibuat bagi mengeluarkan dan memotong 15 baris tariff yang sepatutnya tidak berada di dalam perintah ini kerana ianya berada di dalam sensitive list yang hanya akan ditawarkan pada tahun 2012. Ini berlaku disebabkan semasa membuat transposisi struktur HS 2002 kepada HS 2007 yang terdapat dalam Jadual Kedua perintah ini.	31.12.2009	1.1.2010	P.U.(A)476/2009	1/2010